



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (07 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **25 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 985 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

i. Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Baki (1 Kes Baharu)

Kes Ke-973 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah disaring untuk kali kedua pada 5 November 2020 kerana mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini iaitu kes Ke-871. Kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kes pernah disaring pada 31 Oktober 2020 dan didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19. Kes juga tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas.

Kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini mempunyai perkaitan dengan kes Kluster Baki di Daerah Lundu dan dikategorikan sebagai (Import C).

ii. Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Greenhill (9 kes Baharu)

Hari ini, seramai sembilan (9) kes saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 telah dikesan di daerah Kuching. Kesemua mereka ini adalah warganegara tempatan yang berumur diantara 20 hingga 68 tahun yang mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes-kes COVID-19 yang telah dikesan melibatkan Kluster Greenhill, Kuching sejak 14 hari yang lepas. Mereka ini terdiri daripada lima (5) orang perempuan dan empat (4) orang lelaki. Ringkasan perkaitan kes adalah seperti berikut:

- a) Kes Ke-969 adalah rakan dan kontak rapat kepada Kes Ke-824;
- b) Kes Ke-970 adalah rakan dan kontak rapat kepada Kes Ke-816;
- c) Kes Ke-971 merupakan pembantu rumah kepada Kes Ke-818;
- d) Kes Ke-972 dan Kes-981 merupakan rakan sosial kepada kes Ke-818;
- e) Kes Ke-974 adalah rakan dan kontak rapat kepada kes Ke-823;
- f) Kes Ke-978 adalah rakan dan kontak rapat kepada kes Ke-843;
- g) Kes Ke-979 merupakan kontak kepada kes Ke-872; dan
- h) Kes Ke-982 adalah adik dan kontak rapat kepada kes Ke-841.

Seramai enam (6) orang kes telah dikesan melalui saringan ujian rT-PCR kali kedua di klinik kesihatan kerajaan; seorang (1) telah dikesan melalui saringan kedua di makmal perubatan swasta; dan seorang (1) kes adalah melalui ujian saringan pertama yang telah dijalankan klinik kesihatan kerajaan. Swab ujian rT-PCR dari semua kes ini telah diambil pada 5 dan 6 November 2020.

Kesemua kes tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes-kes ini telah dimasukkan ke dalam wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut dan kes-kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

iii. Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Wisma Saberkas (7 Kes Kaharu).

Hari ini, seramai tujuh (7) kes baharu melibatkan Kluster Wisma Saberkas telah dikesan. Enam (6) kes dikesan melalui saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini dan seorang (1) kes melalui saringan sendiri. Kesemua kes ini telah menjalani saringan COVID-19 pada 4 dan 5 November 2020 di klinik kesihatan kerajaan dan telah didapati positif pada 6 November 2020.

Kesemua tujuh (7) kes ini adalah warganegara tempatan yang terdiri daripada empat (4) orang perempuan dan tiga (3) orang lelaki yang berumur dalam lingkungan umur 17 hingga 65 tahun. Ringkasan perkaitan kes adalah seperti berikut:

- a) Kes Ke-961 dan Ke-964 adalah kontak rapat kepada kes Ke-934 iaitu merupakan masing-masing bapa dan kawan rapat kepada kes Ke-934 tersebut.
- b) Kes Ke-962 merupakan emak dan kontak rapat kepada Kes Ke-932.
- c) Kes Ke-965, 966 dan 967 adalah merupakan rakan dan ahli keluarga serta kontak rapat kepada kes Ke-933.
- d) Kes Ke-976 pula merupakan seorang wanita yang mempunyai sejarah perjalanan dan melawat dengan kerap ke bangunan Wisma Seberkas, Kuching bagi tujuan membeli belah sebelum kluster Wisma Seberkas diisytiharkan. Kes telah membuat saringan sendiri di klinik kesihatan kerajaan.

Kesemua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19 dan kes-kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini juga dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

iv. Kes Saringan Kontak Kluster Seladah (2 Kes Baharu).

Hari ini, terdapat dua (2) kes baharu melibatkan Kluster Seladah telah dikesan. Kedua-dua kes dikesan melalui saringan ulangan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang telah dilaporkan sebelum ini. Kedua-dua kes telah menjalani saringan pertama pada 26 dan 28 Oktober 2020 dan didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

- a) Kes Ke-968 merupakan ahli keluarga dan kontak rapat kepada kes Ke-711 telah menjalani saringan kedua pada 5 November 2020 di sebuah klinik kesihatan.
- b) Kes Ke-977 merupakan seorang lelaki berumur lapan (8) tahun iaitu anak dan kontak rapat kepada kes Ke-795.

Kedua-dua kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kedua-dua kes ini juga tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes-kes ini telah dimasukkan ke wad pengesanan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini juga dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

v. Kes Saringan Sebelum Menjalani Pembedahan (1 Kes Baharu)

Kes Ke-963 merupakan seorang perempuan warganegara tempatan dalam pertengahan umur yang telah diarahkan untuk menjalani saringan COVID-19 sebelum menjalani pembedahan. Kes ini telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah klinik kesihatan kerajaan pada 04 November 2020 dan keputusan ujian kes ini telah didapati positif pada 06 November 2020.

Kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19 dan kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan. Oleh itu, sehingga siasatan lengkap dijalankan, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

vi. Kes Saringan Sebelum Pulang Ke Negara Asal (1 Kes Baharu)

Kes Ke-975 ini merupakan seorang jurutera kapal terbang warganegara Indonesia yang telah membuat saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta di Kuching sebelum pulang ke negara asal. Swab untuk ujian rT-PCR telah diambil pada 6 November 2020 dan didapati positif pada hari yang sama.

Kes ini telah memasuki Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12 Oktober 2020 dan telah menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Ujian saringan pertama dan kedua kes ini telah didapati negatif.

Kes telah memasuki Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 26 Oktober 2020 iaitu hari yang sama ujian saringan kedua rT-PCR kes didapati negatif.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala, Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan dan berdasarkan sejarah perjalanan, kes ini berkemungkinan telah mendapat jangkitan semasa berada di Kuching, Sarawak. Oleh itu, sehingga siasatan lengkap dijalankan, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

vii. Kes Saringan Kendiri (4 Kes Baharu)

Hari ini, terdapat empat (4) kes yang telah membuat saringan sendiri bagi ujian rT-PCR COVID-19 kerana merasakan diri mereka telah mempunyai kontak rapat kepada mana-mana kes positif sebelum ini atau pernah melawat tempat-tempat yang pernah melaporkan kes di sekitar Bandaraya Kuching. Perincian kes-kes ini adalah seperti berikut:

- a) Kes Ke-980 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja sebagai penjawat awam di Bandaraya Kuching. Kes telah menjalani saringan COVID-19 di klinik kesihatan kerajaan pada 5 November dan keputusan kes didapati positif COVID-19 pada 6 November 2020. Kes ini kali terakhir melakukan perjalanan ke luar dari Sarawak ialah pada 31 Julai 2020, iaitu balik ke Sabah.

- b) Kes Ke-983 merupakan seorang perempuan warga emas rakyat tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah makmal perubatan swasta oleh ahli keluarga kes kerana bimbang kemungkinan telah terdedah kepada mana-mana kontak kes positif COVID-19.

- c) Kes Ke-984 merupakan seorang lelaki tempatan warga emas rakyat tempatan yang telah melakukan saringan COVID-19 di sebuah klinik kesihatan kerajaan oleh ahli keluarga kes kerana bimbang kemungkinan telah terdedah kepada mana-mana kontak kes positif COVID-19.

- d) Kes Ke-985 pula merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah membuat saringan sendiri di sebuah klinik kesihatan kerajaan kerana mempunyai kontak rapat kepada kes Ke-936 yang telah dilaporkan sebelum ini.

Kesemua kes-kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Semua kes ini masih dalam siasatan lanjut dan sehingga siasatan lengkap dijalankan, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Hari ini terdapat penambahan satu (1) kes baharu positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada 33 orang termasuk kes indeks. Ini tidak termasuk 12 kes yang telah dikesan dan dilaporkan di Perak melibatkan kluster ini.

Sejumlah 2,991 individu telah disaring, dimana:

- 33 kes dikesan positif COVID-19;
- 2,958 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 1.10%. Sehingga 7 November 2020, jam 12:00 tengah hari, seramai 27 kes telah sembuh dan didiscaj dari hospital manakala enam (6) kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

ii) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Hari ini terdapat penambahan dua (2) kes baharu positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 216 individu telah disaring, dimana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 dan
- 207 individu negatif

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 4.16%. Sehingga 7 November 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah empat (4) kes telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Ini menjadikan jumlah kes yang terlibat di dalam kluster ini yang masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital adalah seramai lima (5) dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil.

iii) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan sembilan (9) kes baharu positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 76 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 949 individu telah disaring, dimana:

- 76 kes dikesan positif COVID-19;
- 799 individu negatif dan
- 74 individu masih menunggu keputusan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 8.00%. Sehingga 7 November 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah lapan belas (18) kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari wad pengasingan di hospital. Ini menjadikan seramai 58 kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iv) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Hari ini, terdapat tujuh (7) kes baharu positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada 34 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 756 individu telah disaring, dimana:

- 34 kes dikesan positif COVID-19;
- 692 individu negatif; dan
- 30 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 4.49%. Sehingga 7 November 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

v) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

vi) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **lima (5)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua ke-kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini meningkat kepada **812** orang atau **82.44%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **154** orang iaitu:

- 125 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 25 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 1.93%**.

Hari ini **47 PUI** baru telah dilaporkan dan **enam (6)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Aktiviti Saringan Pengesanan Aktif Di Pasaraya eMart, Kuching.

Aktiviti pengesanan kes COVID-19 secara aktif telah dijalankan di eMart, Batu Kawa pada 6 November 2020 berikutan dua (2) kes yang telah dikesan pada 5 November 2020. Seramai 507 individu telah disaring melibatkan pekerja, penyewa dan mereka yang pernah berkunjung ke Pasaraya eMart Batu Kawa. Setakat jam 12:00 tengahari hari ini, kesemua individu yang disaring masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Pesanan Kepada Orang Ramai Berkaitan COVID-19.

Sarawak sedang berdepan dengan gelombang ketiga kes COVID-19. Jangkitan COVID-19 telah menyebabkan gangguan kepada kehidupan dan kesihatan orang yang kita sayangi.

Kebanyakan kes yang dijangkiti COVID-19 tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala atau hanya menunjukkan gejala ringan yang kita sering terlepas pandang.

Hasil analisa terhadap kes-kes yang telah dilaporkan menunjukkan bahawa penularan penyakit COVID-19 sangat berkait rapat dengan cara hidup komuniti kita. Ini melibatkan golongan muda dalam kumpulan umur 20 hingga 40 tahun, golongan profesional dan juga ahli perniagaan. Mereka mengadakan perjumpaan bersemuka dengan rakan perniagaan dan juga rakan-rakan sosial. Mereka sering mengunjungi tempat-tempat seperti premis makanan dan minuman.

Apabila mereka telah dijangkiti COVID-19, mereka telah menjangkiti ahli keluarga iaitu kontak serumah. Ini termasuk kanak-kanak dan warga tua. Selain daripada itu, mereka juga menjangkiti rakan-rakan lain melalui perjumpaan sosial sebelum mereka disahkan positif COVID-19.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua individu bahawa jika kita sayang diri kita sendiri, keluarga, rakan dan Sarawak, maka lakukanlah perkara seperti berikut:

Adalah amat penting untuk anda mengamalkan penjarakan fizikal setiap masa dengan orang di sekeliling anda. Anda dimohon untuk menjalani ujian COVID-19 di fasiliti kesihatan berhampiran anda sekiranya anda mempunyai risiko terdedah kepada kes positif COVID-19.

Sekiranya anda berasa tidak sihat, anda dinasihatkan untuk:

1. Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal, gunakan topeng muka dan mengamalkan kebersihan diri.
2. Mendapatkan rawatan dan menjalani ujian rT-PCR COVID-19
3. Berada di rumah sahaja dan mengasingkan diri di dalam bilik berasingan
4. Tidak berkunjung ke premis makanan untuk menjamu selera. Dapatkan bantuan keluarga atau rakan untuk membeli makanan.
5. Tidak menghadiri perjumpaan dengan individu lain
6. Melakukan ujian ulangan pada hari ke-10. Pengasingan sendiri hanya tamat sekiranya kedua-kedua ujian anda adalah negatif.

Tangguhkan semua perjalanan dan perjumpaan bersemuka sehingga tamat tempoh pengasingan sendiri.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri amat mengharapkan kerjasama semua pihak untuk mengawal jangkitan COVID-19.

“Bersama Kita Dapat Melakukannya”

F. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai **151** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA BENCANA NEGERI

A. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Daerah Kuching

Memandangkan kes positif COVID-19 di daerah Kuching kian meningkat setiap hari, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah menilai situasi dengan mengambilkira kes jangkitan tempatan yang direkodkan di daerah Kuching iaitu sebanyak 151 kes dalam tempoh 14 hari yang lepas. Maka keputusan untuk **menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Daerah Kuching** akan dilaksanakan mulai **9 hingga 22 November 2020 (14 hari)**.

i. Pergerakan Rentas Negeri

Pergerakan rentas negeri dari Semenanjung, Sabah dan Labuan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran daripada PDRM.

ii. **Pergerakan Antara Daerah**

Pergerakan rentas daerah dalam negeri Sarawak dibenarkan kecuali keluar dan masuk ke daerah Kuching. SOP akan dikeluarkan pada 8 November 2020.

LAPORAN NOTIS TANGKAPAN / KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah menangkap seorang warga Indonesia di sebuah restoren di daerah Sarikei kerana telah melanggar SOP dengan tidak mengimbas suhu dan merekod nama di dalam buku daftar pelanggan. Selain itu juga sebanyak **51 kompaun telah dikeluarkan** di Daerah Kuching (32), Miri (5), Padawan (4), Kapit (4), Bintulu (4), Sarikei (1) dan Mukah (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **133 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (38), MPP (20), SMC (19), MD Marudi (13), BDA (11), MDDM (10), SRDC (9), MPKS (3), MD Serian (3), MDMJ (3), MD Sarikei (2) dan MB Miri (2).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,557 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (239), Restoran (295), Kilang (13), Bank (127), Pejabat Kerajaan (61), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (61), Tempat Ibadah (89), Tempat Riadah (45), Tapak Pembinaan (18) dan lain-lain (576).

Seramai **530 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (263), ATM (31), RELA (124), APM (75), PBT (32), KKM (3) dan lain-lain agensi (2).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,472** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
07 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	960	Total Cases still in ward	154	15.63%
New Cases	25	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	155,518	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	985	Total Death Cases	19	1.93%
IR per 100,000 population	31.93	Recovered and discharged cases	812	82.44%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	17	9,329	47	10,320
Pending Result	6	6		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	125	2	2	25	0	154
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	5	0	0	0	5
	Cummulative	681	39	47	43	2
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	46	6,857	25	645	3	514	0	12	119	167	151
Jumlah		46	6,857	25	645	3	514	0	12	119	167	151

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	261	0	7	1	4	0	0	3	4	4
2	Miri	0	906	0	53	0	30	0	1	22	22	13
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
Jumlah		0	1,200	0	71	1	43	0	2	26	27	18

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	579	0	115	0	109	0	4	2	2	0
2	Bintulu	0	320	0	49	0	47	0	0	2	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	121	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	25	0	7	0	4	0	0	3	3	0
6	Serian	0	315	0	25	1	25	0	0	0	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	2,263	0	269	1	255	0	5	9	11	0
Jumlah Besar		47	10,320	25	985	5	812	0	19	154	205	169

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **154** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **26 buah hotel** adalah seramai **2,272 orang**. Manakala seramai **29,914 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 07.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,393)	Hock Lee	124
2		Kuching Park	133
3		Hilton	318
4		Harbour View	250
5		Riverside (Astana Wing)	229
6		Tune Hotel	90
7		Dormani Hotel	49
8		Grand Continental	95
9		Meritin	78
10		Longhouse	27
11	Miri (465)	Mega Hotel	72
12		Imperial Palace	99
13		Eastwood Valley	48
14		Meritz	78
15		Miri	34
16		Dynasty	101
17		Citi Hotel	33
18	Bintulu (138)	Wasan Inn	31
19		Kidurong Inn	35
20		Motel Kapok	46
21		Faber Inn	26
22	Limbang (189)	Purnama	77
23		Seri Malaysia (Lawas)	94
24		Shangshan (Lawas)	0
25		Mandarin (Lawas)	18
26	Sibu (87)	Premier	87
Jumlah PUS			2,272

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **8 lokasi di Kuching (4) dan Miri (4)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,935 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 07.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	4	637
2	Miri	4	367
3	Sibu	TIADA	188
4	Samarahan	TIADA	129
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	89
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			1,935

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **56 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 07.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	8
4	MP Sibu	9
5	BDA	5
6	MCC	13
7	MD Marudi	5
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	10
Jumlah		56